



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN DASAR
KEMUDAHAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN	1
2.0	DEFINISI.....	1
3.0	PERNYATAAN DASAR	1
4.0	OBJEKTIF DASAR.....	1
5.0	KATEGORI ORANG KURANG UPAYA.....	2
6.0	MANUAL TINDAKAN KEMUDAHAN OKU	2
6.1	Kemudahan Persekitaran Akademik	2
6.1.1	PERANCANGAN PdP	3
6.1.2	PELAKSANAAN PdP	4
6.1.3	PENTAKSIRAN PdP.....	5
6.2	Kemudahan Persekitaran Sokongan.....	7
6.2.1	Kemudahan Perpustakaan	7
6.2.2	Ko-Kurikulum.....	7
6.2.3	Perkhidmatan Keselamatan	8
6.2.4	Perkhidmatan Kaunseling	8
6.2.5	Pembangunan Kerjaya	8
6.2.6	Kemudahan Kesihatan	8
6.2.7	Kesukarelawanan	9
6.2.8	Sukan, Kebudayaan dan Kerohanian	9
6.2.9	Kemudahan Penginapan	9
6.2.10	Kemudahan Pengangkutan	9
6.2.11	Kebajikan.....	9
6.3	Kemudahan Persekitaran Sosial	11
6.3.1	Program untuk membina kesedaran warga Universiti.	11
6.3.2	Tadbir Urus Berkesan	13
6.3.3	Program Pengiktirafan	14
6.3.4	Keistimewaan Staf Dan Pelajar OKU	14
6.4	Kemudahan Persekitaran Fizikal.....	15
6.4.1	Undang-undang, Peraturan, Garis Panduan Dan Piawaian Bagi Kemudahan Fizikal OKU 15	
6.4.2	Strategi Persekitaran Fizikal Kemudahan OKU di UTHM	16
6.4.3	Rekabentuk Terperinci Kemudahan OKU	34
6.4.4	Deklarasi Perunding Ke Atas Pematuan Kemudahan OKU Pada Perancangan Bangunan Baru.....	40

1.0 PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) sama ada pelajar atau staf merupakan sebahagian daripada warga Universiti yang perlu diberi peluang dan hak yang saksama dalam menjalani kehidupan kampus seperti warga universiti yang lain.

Bagi memastikan OKU tidak dipinggir dalam mendapat akses pendidikan maksimum, UTHM telah merangka Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menitikberatkan layanan yang sama rata kepada semua warga Universiti tanpa sebarang diskriminasi melalui penyediaan kemudahan prasarana seperti aksesibiliti, infrastruktur dan sokongan sosial yang munasabah kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

Penyediaan Garis Panduan pelaksanaan ini merupakan rancangan tindakan yang disediakan sebagai asas untuk melaksanakan hasrat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui pelancaran Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi pada 5 September 2015 bagi meraikan secara sama rata hak Orang Kurang Upaya di universiti.

2.0 DEFINISI

- 2.1. OKU mengikut Akta Orang Kurang Upaya 2008 adalah seseorang yang mempunyai ketidakupayaan jangka masa panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau pancaindera yang apabila berhadapan dengan pelbagai halangan mungkin tidak dapat melibatkan diri sepenuhnya dan secara efektif dalam masyarakat.
- 2.2. Warga Universiti bermaksud pengurusan atasan, staf akademik, staf pentadbiran dan pelajar.

3.0 PERNYATAAN DASAR

Dasar Kemudahan OKU UTHM mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebolehcapaian kemudahan-kemudahan sokongan bagi membolehkan staf dan pelajar OKU bersama-sama dengan warga universiti lain menjalani kehidupan di Universiti.

4.0 OBJEKTIF DASAR

- 4.1. Memberi pengiktirafan serta penerimaan prinsip bahawa staf dan pelajar OKU mempunyai hak dan peluang yang sama bagi penyertaan penuh dalam Universiti.

- 4.2. Memastikan staf dan pelajar OKU menikmati hak, peluang dan akses secara saksama di bawah peraturan Universiti.
- 4.3. Mendidik dan meningkatkan kesedaran warga Universiti mengenai hak staf dan pelajar OKU.

5.0 KATEGORI ORANG KURANG UPAYA

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya kepada tujuh (7) kategori utama ketidakupayaan seperti berikut:

- 5.1. Kurang Upaya Pendengaran
- 5.2. Kurang Upaya Penglihatan
- 5.3. Kurang Upaya Fizikal
- 5.4. Kurang Upaya Pembelajaran
- 5.5. Kurang Upaya Pertuturan
- 5.6. Kurang Upaya Mental
- 5.7. Kurang Upaya Pelbagai

6.0 MANUAL TINDAKAN KEMUDAHAN OKU

Manual Tindakan Kemudahan OKU dibangunkan bertujuan untuk memberi panduan kepada warga Universiti dalam merangka pelan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang merangkumi perkara berikut:

5.1 Kemudahan Persekitaran Akademik

Persekitaran akademik merupakan salah satu komponen penting di bawah dasar kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) dan dibangunkan untuk memberi panduan kepada Universiti bagi menyediakan persekitaran akademik yang kondusif, komprehensif dan sistematik kepada staf dan pelajar OKU dan seterusnya menghapuskan halangan sifar pendidikan kepada staf dan pelajar OKU sepertimana yang diwartakan dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Perincian kepada Kemudahan Persekitaran Akademik ini hendaklah dirujuk bersama dokumen Peraturan Akademik UTHM (Prasiswazah dan Siswazah), Manual Pelaksanaan Kuliah, Garis Panduan Beban Akademik dan lain-lain manual / garis panduan berkaitan pelaksanaan akademik

yang sedang berkuatkuasa dengan mengambilkira kategori staf dan pelajar OKU.

Fokus utama pengurusan pelaksanaan akademik adalah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) untuk pelajar OKU UTHM yang meliputi skop berikut:

5.1.1 PERANCANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP)

Perancangan dalam PdP adalah merujuk kepada elemen-elemen utama yang perlu disediakan sebelum proses pelaksanaan PdP dijalankan. Ianya boleh dilaksanakan dengan menggunakan beberapa strategi utama termasuk ketersediaan dan pengurusan bahan-bahan PdP. Strategi yang boleh digunakan oleh Universiti adalah:

- i. Membangunkan Pelan Pengajian yang Komprehensif dan Berkualiti**
 - a. Pelan pengajian anjal (flexi) perlu disediakan bagi mengurangkan kesan daripada wujudnya sebarang isu atau perubahan dalam tempoh pengajian pelajar OKU tertakluk kelulusan Senat
 - b. Beban staf akademik perlu disesuaikan dengan kategori OKU.
 - c. Domain kognitif, psikomotor dan afektif disesuaikan dengan keperluan standard akreditasi program pengajian dan kategori OKU.
 - d. Kaedah penyampaian PdP perlulah disesuaikan dengan keperluan pelajar OKU.
- ii. Menyediakan Alat Bantu Mengajar (ABM) dan Peralatan untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Mesra Pengguna (User-friendly Teaching and Learning Aids/Tools)**
 - a. Alat Bantu Mengajar (ABM) serta teknologi yang bersesuaian dan mesra OKU perlu disediakan bagi memenuhi keperluan pelajar dan staf OKU.
- iii. Kebolehcapaian (accessibility) Kepada Sumber Rujukan**
 - a. Koleksi bahan rujukan yang mencukupi perlu disediakan bagi memenuhi keperluan pelajar OKU.
 - b. Semua bahan rujukan perlulah disediakan dalam bentuk salinan keras atau lembut agar mudah diakses secara fizikal atau dalam talian.

iv. Rekabentuk Format Bahan Kuliah

- a. Format bahan kuliah yang bersesuaian perlulah diwujudkan bagi membantu meningkatkan tahap kefahaman pelajar OKU agar hasil pembelajaran kursus tercapai.
- b. Kaedah penyampaian perlulah dipelbagaikan bagi mencapai hasil pembelajaran kursus.
- c. Bahan kuliah perlu disediakan dalam bentuk salinan keras atau lembut supaya mudah diakses secara fizikal atau dalam talian bagi meningkatkan tahap kebolehcapaian kepada sumber.

5.1.2 PELAKSANAAN PdP

Pelaksanaan PdP adalah merujuk kepada kaedah yang bersesuaian dengan tahap kurang upaya staf dan pelajar OKU semasa menjalani aktiviti PdP. Pengurusan pengendalian kuliah dan sokongan pembelajaran hendaklah ditekankan sepanjang kuliah berlangsung.

Strategi yang boleh digunakan oleh Universiti di bawah skop Pelaksanaan PdP adalah:

i. Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Inklusif

- a. Kaedah PdP yang bersifat inklusif dengan mengurangkan perbezaan ketara di antara pelajar OKU dengan pelajar yang normal.
- b. Aktiviti PdP yang digunakan hendaklah sistematik dan komprehensif untuk disesuaikan dengan keperluan staf dan pelajar OKU agar mencapai hasil pembelajaran kursus.
- c. Domain kognitif, psikomotor dan afektif perlu ada di dalam PdP bagi kategori pelajar OKU dilaksanakan mengikut keperluan kursus dan kesesuaian aktiviti.
- d. Kendalian pelbagai aktiviti PdP disediakan dengan mengambilkira kepelbagaian kategori kelainan upaya.

ii. Pengendalian Kuliah / Amali / Kerja Lapangan yang Kondusif dan Berkesan

- a. Memastikan staf dan pelajar OKU sentiasa dimaklumkan dengan maklumat yang tepat dan konklusif berkaitan kandungan kursus sebelum sesi kuliah / amali / kerja lapangan dijalankan.
- b. Memberi taklimat keselamatan kepada staf dan pelajar OKU sebelum sesi kuliah / amali / kerja lapangan dijalankan.
- c. Memastikan pengurusan ruang Kuliah / Amali / Lapangan berada pada tahap yang selamat dan tiada risiko kemalangan

sekiranya digunakan dalam aktiviti PdP termasuk susun atur dalam ruang terlibat.

- d. Melatih staf yang ditugaskan untuk mengendalikan pelajar OKU semasa sesi kuliah / amali / kerja lapangan.
- e. Mempunyai saluran / medium penyampaian maklumat yang bersesuaian dan mudah difahami kepada staf dan pelajar OKU.
- f. Melibatkan pelajar OKU sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung.

iii. Penyediaan Medium Sokongan Pembelajaran

- a. Menyediakan sistem sokongan psikososial sepanjang tempoh pengajian pelajar OKU.
- b. Melatih Penasihat Akademik dan Kerjaya (PAK) dalam mengendalikan pelajar OKU terutamanya dalam memantau prestasi akademik.
- c. Menyediakan persekitaran pembelajaran yang kondusif, mesra OKU dan menggalakkan sistem “*buddy*” untuk mengurangkan tekanan psikososial selain membantu terhadap aksesibiliti fizikal.

5.1.3 PENTAKSIRAN PdP

Pentaksiran adalah merujuk kepada sistem / kaedah / instrumen penilaian yang digunakan bagi mengukur pencapaian hasil pembelajaran sesuatu kursus semasa dan selepas mengikuti proses PdP di Universiti.

Strategi yang boleh digunakan oleh Universiti di bawah skop Pentaksiran PdP adalah seperti berikut:

i. Pentaksiran Berterusan

- a. Memastikan kaedah pentaksiran mengikut kategori pelajar OKU dan perlu mencapai hasil pembelajaran kursus.
- b. Menetapkan tempoh pentaksiran yang bersesuaian.
- c. Membangunkan rubrik/ skema/ maklumbalas pentaksiran mengambil kira kategori pelajar OKU.
- d. Membangunkan rubrik/ skema/ maklumbalas pentaksiran mengambil kira kategori pelajar OKU.

ii. Pentaksiran Latihan Industri / Praktikum

- a. Membangunkan garis panduan pelaksanaan dan pentaksiran latihan industri / praktikum yang komprehensif.

- b. Mengenalpasti dan mengemaskini dari semasa ke semasa senarai tempat latihan industri / praktikum yang mesra pelajar OKU.
- c. Membangunkan instrumen pentaksiran yang bersesuaian dengan kategori OKU.

iii. Peperiksaan Akhir

- a. Menyesuaikan kaedah peperiksaan akhir mengikut keperluan pelajar OKU.
- b. Menetapkan tempoh masa yang bersesuaian.
- c. Menyediakan fasiliti dan kemudahan di tempat peperiksaan yang bersesuaian dengan kategori staf dan pelajar OKU.

5.2 Kemudahan Persekitaran Sokongan

Kemudahan Persekitaran Sokongan adalah aspek penting yang perlu diberi penekanan dalam memastikan staf dan pelajar OKU diberi hak dan peluang untuk mendapatkan persekitaran Universiti yang kondusif dan selamat di UTHM. Kemudahan ini diharapkan dapat membantu menyerlahkan potensi diri staf dan pelajar OKU secara optimum yang merangkumi aspek seperti kaunseling, pembangunan kerjaya, kesihatan, sukan dan lain-lain.

Fokus utama pengurusan persekitaran sokongan adalah meliputi skop dan strategi berikut:

5.2.1 Kemudahan Perpustakaan

- i. Menjalankan program Literasi Khas OKU pada setiap awal semester kepada pelajar OKU.
- ii. Menyediakan komputer dan peralatan khas seperti Braille, dan lain-lain peralatan yang bersesuaian dengan keperluan staf dan pelajar OKU.
- iii. Menyediakan Perisian komputer khas seperti JAWS dan NVDA Screen Reader yang bersesuaian mengikut kategori OKU staf dan pelajar.
- iv. Menyediakan Bilik Karel dan meja komputer khas.
- v. Menyediakan ruang perbincangan inklusif untuk kegunaan staf dan pelajar OKU.
- vi. Menyediakan perkhidmatan lif, tandas dan tempat letak kereta dan tanjakan (ramp) khas untuk kemudahan staf dan pelajar OKU.

5.2.2 Ko-Kurikulum

- i. Menyediakan Modul Ko-kurikulum yang fleksibel untuk pelajar OKU.
- ii. Menyediakan bahan Pengajaran dan Pembelajaran yang bersesuaian dengan kategori OKU.

5.2.3 Perkhidmatan Keselamatan

- i. Membangun dan menambah baik pelan dan strategi pengurusan risiko dan bencana bagi golongan OKU.
- ii. Mewujudkan Panel Penilai Risiko untuk mencadangkan kemudahan dan perkhidmatan yang diperlukan dan menambah baik kemudahan dan perkhidmatan yang sedia ada.
- iii. Menambah baik perkhidmatan talian panggilan kecemasan 24 jam dengan penggunaan aplikasi WhatsApp atau aplikasi lain yang sesuai dan memudahkan golongan OKU.
- iv. Menyediakan persekitaran bebas halangan termasuk kemudahan di dalam dan luar bangunan tempat kerja, penginapan dan ruang awam.

5.2.4 Perkhidmatan Kaunseling

- i. Mewujudkan Sistem Buddies dan rakan pelajar yang akan menjadi penghubung kepada Pegawai Psikologi di Universiti untuk membantu staf dan pelajar OKU. Pelajar yang sukarela boleh dilatih untuk menjadi buddies atau rakan pelajar dalam membantu mengendalikan golongan OKU.
- ii. Melaksanakan kaunseling kelompok untuk memberi peluang kepada golongan OKU berkongsi isu-isu sesama mereka.
- iii. Mewujudkan Talian Kaunseling Hotline untuk memudahkan golongan OKU mendapatkan perkhidmatan kaunseling.
- iv. Memberikan latihan seperti latihan bahasa isyarat kepada Pegawai Psikologi untuk mengendalikan golongan OKU.

5.2.5 Pembangunan Kerjaya

- i. Menyediakan Penasihat Kerjaya terlatih bagi membimbing kerjaya pelajar OKU.
- ii. Melaksanakan program pembangunan kerjaya sebagai persediaan untuk menghadapi dunia kerjaya.
- iii. Melaksanakan program teknoprenur kepada golongan OKU yang berminat dalam bidang keusahawanan.
- iv. Membuat hebahan peluang pekerjaan dan suai padan kerjaya kepada pelajar OKU.

5.2.6 Kemudahan Kesihatan

- i. Menambahbaik kemudahan di Pusat Kesihatan Universiti yang mesra OKU.
- ii. Menaiktaraf kemudahan rehabilitasi di Pusat Kesihatan Universiti.

5.2.7 Kesukarelawanan

- i. Meningkatkan kemudahan dan menggalakkan penyertaan staf dan pelajar OKU dalam badan-badan kesukarelawanan Universiti.
- ii. Menggalakkan perkongsian strategik di antara persatuan-persatuan pelajar dan pelajar OKU.

5.2.8 Sukan, Kebudayaan dan Kerohanian

- i. Menguruskan penyertaan dalam acara sukan, kebudayaan dan kerohanian bagi membolehkan golongan OKU menyerlahkan bakat yang sedia ada.
- ii. Melaksanakan penganjuran acara sukan, kebudayaan dan kerohanian untuk staf dan pelajar OKU.
- iii. Menyediakan kemudahan dan peralatan sukan, kebudayaan dan kerohanian yang mesra OKU.

5.2.9 Kemudahan Penginapan

- i. Memberi keutamaan pelajar OKU untuk tinggal di kolej kediaman bagi memudahkan mereka akses kemudahan di Universiti.
- ii. Menyediakan kemudahan kolej kediaman yang mesra OKU.
- iii. Menyediakan bilik pelajar OKU di tingkat bawah dan berhampiran dengan laluan utama dan mudah menggunakan kemudahan di kolej kediaman.

5.2.10 Kemudahan Pengangkutan

- i. Menyediakan kenderaan yang mesra OKU.
- ii. Memberi keutamaan pengangkutan kepada pelajar OKU.

5.2.11 Kebajikan

- i. Melantik *Disability Liaison Executive* (DLE). DLE bertindak sebagai *one stop centre* untuk perkara-perkara berikut:
 - a. Melantik DLO di setiap PTj yang berkeperluan
 - b. Memberi latihan intensif kepada DLO yang dilantik
 - c. Mewujudkan Pangkalan Data OKU Universiti
 - d. Mewujudkan direktori DLO di setiap PTj
 - e. Kriteria DLO yang boleh dipertimbangkan adalah:
 - DLO dalam kalangan staf yang OKU dan bukan OKU
 - Tiada had gred jawatan

- ii. Menyediakan sumber manusia terlatih yang mampu memberi perkhidmatan kepada golongan OKU.
- iii. Menubuhkan Persatuan OKU yang terdiri daripada staf dan pelajar.
- iv. Menggalakkan pelajar OKU dalam menganggotai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).
- v. Menyediakan bantuan kewangan sara diri kepada pelajar OKU.
- vi. Menyediakan saluran cadangan berterusan bagi membolehkan golongan OKU memberi cadangan tentang kemudahan, perkhidmatan dan program kepada golongan OKU.
- vii. Melindungi golongan OKU dari segala bentuk eksploitasi, keganasan dan penderaan.
- viii. Menggalakkan penghasilan dan penjualan alat-alat sokongan golongan OKU yang mampu milik.

5.3 Kemudahan Persekitaran Sosial

Persekitaran Sosial yang baik perlu diwujudkan bagi mewujudkan persekitaran yang sentiasa menyokong pengukuhan pemeliharaan kebajikan dan kesejahteraan warga OKU di UTHM. Penglibatan dan tindakan daripada pihak-pihak yang berperanan adalah penting untuk memastikan urus tadbir kebajikan OKU dapat dipelihara dengan baik melibatkan komitmen pengurusan atasan, staf akademik, staf pentadbiran, pelajar dan penyedia perkhidmatan seperti pengusaha kafeteria, perkhidmatan perbankan dan sebagainya.

Fokus utama pengurusan persekitaran sokongan adalah meliputi skop dan strategi yang boleh digunakan seperti berikut:

5.3.1 Program untuk membina kesedaran warga Universiti.

i. Latihan

- a. Melaksanakan Training of Trainers (TOT) bagi mewujudkan kepakaran mengikut kumpulan sasar di kalangan pelajar, staf, buddies dan penyedia perkhidmatan untuk menjaga kebajikan OKU.
- b. Melaksanakan latihan pensijilan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan bahasa isyarat kepada warga Universiti bagi memperkasa keberkesanan komunikasi antara warga Universiti dan OKU.
- c. Mengenalpasti, melantik dan menyediakan latihan kepada pasukan penggerak (taskforce) Braille UTHM dalam menyokong keperluan dokumentasi untuk golongan OKU cacat penglihatan.
- d. Memperuntukkan dana penyelidikan untuk mengkaji semua perkara berkaitan keperluan OKU.
- e. Mewujudkan kelompok kepakaran bersasar yang boleh menjadi fasilitator program-program berkaitan keperluan OKU.

ii. Minggu Haluan Siswa (MHS)

- a. Mengadakan slot kesedaran berkaitan kebajikan OKU kepada pelajar baharu untuk memberi motivasi dan kesedaran menjaga kebajikan OKU.
- b. Menyediakan video berkaitan fasiliti dan kemudahan OKU supaya pelajar baharu mempunyai maklumat berkaitan kemudahan yang disediakan oleh Universiti.
- c. Mengadakan program bual bicara alumni OKU supaya pelajar bermotivasi untuk berjaya.

- d. Mewujudkan jawatankuasa ikon alumni daripada kalangan OKU yang berjaya supaya pelajar OKU baharu dapat membina keyakinan untuk berjaya melalui perkongsian pengalaman daripada alumni OKU.

iii. Latihan Pertolongan Cemas dan Pengungsian Bangunan

- a. Memperluas skop latihan kecemasan yang mengambil kira kategori OKU melibatkan latihan berkaitan keselamatan fizikal dan latihan untuk pertolongan cemas.
- b. Menyediakan latihan untuk Disability Liason Officer (DLO) di PTj yang merangkumi semua keperluan keselamatan OKU.
- c. Menjalankan program latihan keselamatan kepada warga Universiti secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun.

iv. Hari OKU Sedunia

- a. Melaksanakan seminar/persidangan bertemakan pemerksaan terhadap OKU secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun pada sambutan Hari OKU UTHM.
- b. Melaksanakan aktiviti bersesuaian seperti ceramah, pameran, demonstrasi, pertandingan yang dapat menimbulkan kesedaran bagi memelihara kebajikan OKU kepada warga Universiti dan masyarakat setempat
- c. Mewujudkan kolaborasi dengan komuniti dan agensi-agensi berkaitan bagi menganjurkan sambutan Hari OKU di peringkat daerah/negeri.

5.3.2 Tadbir Urus Berkesan

i. Audit Keselamatan OKU

Melaksanakan audit keselamatan OKU bagi memastikan semua fasiliti dan persekitaran sedia ada adalah selamat kepada OKU. Pembangunan fizikal / ubahsuai perlu mengambil kira kemudahan dan keselamatan OKU agar semua premis dan fasiliti selamat untuk OKU.

ii. Soal Selidik Keberkesanan Dasar Kemudahan OKU

- a. Mewujudkan *task force* di peringkat Universiti bagi menyediakan instrumen kajian untuk mengukur tahap keberkesanan dan kesedaran warga Universiti terhadap Dasar Kemudahan OKU UTHM dan semua inisiatif yang dilaksanakan.
- b. Melaksanakan program soal selidik sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.
- c. Melaksanakan analisis terhadap dapatan soal selidik yang telah dijalankan.

iii. Program Audit Kendiri

- a. Mewujudkan *taskforce* juruaudit dalaman di peringkat Universiti bagi menyediakan kriteria audit kendiri untuk mengukur tahap ketersediaan agar langkah-langkah positif dapat diambil untuk mengadakan atau meningkatkan ketersediaan pengurusan warga OKU.
- b. Melaksanakan program audit kendiri sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun.
- c. Melaksanakan analisis terhadap dapatan audit kendiri yang telah dijalankan.
- d. Mewujudkan *taskforce* untuk membangunkan sistem audit kendiri secara atas talian.

iv. Program Audit luar

Melaksanakan Program Audit luar melibatkan agensi / pihak-pihak berkemahiran untuk menilai ketersediaan pelaksanaan Dasar Kemudahan OKU dengan melaksanakan program audit melibatkan auditor daripada pihak luar sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun. Selain itu boleh diwujudkan dasar pemberian insentif kewangan bagi mengiktiraf sumbangan juruaudit luar dan juruaudit dalam.

5.3.3 Program Pengiktirafan

i. Acara/Slot Penghargaan Kepada Kecemerlangan OKU Dan Sumbangan Warga Universiti

Melaksanakan acara/slot penghargaan untuk mengiktiraf dan menghargai kecemerlangan dan sumbangan warga OKU dan warga Universiti yang menyokong kepada usaha-usaha ke arah menjaga kebajikan warga OKU. Aktiviti yang boleh dilaksanakan adalah seperti mewujudkan Anugerah OKU Cemerlang kepada staf dan pelajar.

5.3.4 Keistimewaan Staf Dan Pelajar OKU

i. Mewujudkan Peluang dan Keistimewaan Untuk Staf dan Pelajar OKU.

- a. Melaksanakan audit terhadap semua dasar/polisi sedia ada untuk memberi keistimewaan kepada OKU.
- b. Menyediakan peruntukan kewangan khas untuk aktiviti OKU.
- c. Menyediakan kuota untuk memperolehi geran kontrak bagi inovasi khas kepada warga OKU.
- d. Menyediakan kuota khas untuk OKU menerima dana penyelidikan.
- e. Membuat penanda aras dengan universiti yang lain berkaitan pengurusan kebajikan OKU.
- f. Penambahan wakil OKU dalam Jawatankuasa Kebajikan Pelajar.
- g. Mewujudkan satu kursi senator OKU dalam MPP.
- h. Mewujudkan klausa-klausa dalam polisi / dasar / garis panduan ke arah menjaga kesejahteraan dan kebajikan OKU.

5.4 Kemudahan Persekitaran Fizikal

Persekitaran fizikal yang kondusif adalah sangat penting bagi memenuhi keperluan kebolehcapaian, ketersambungan dan kebolehgunaan kepada semua golongan individu termasuk pelajar, staf dan golongan orang kurang upaya (OKU) yang membawa maksud:

i) Kebolehcapaian (<i>Approachability</i>)	Adalah Kebolehcapaian tanpa halangan untuk sampai ke fasiliti fizikal oleh pengguna pelbagai kategori OKU.
ii) Ketersambungan: (<i>Accessibility</i>)	Adalah Ketersambungan fasiliti fizikal yang bebas halangan kepada pengguna pelbagai kategori OKU untuk melaksanakan aktiviti.
iii) Kebolehgunaan: (<i>Usability</i>)	Adalah Fasiliti fizikal yang dapat digunakan secara sendiri oleh pelbagai kategori OKU dengan efektif, efisien dan dapat memberi kepuasan kepada pengguna pelbagai kategori OKU bagi melaksanakan tugas dalam persekitaran yang spesifik.

5.4.1 Undang-undang, Peraturan, Garis Panduan Dan Piawaian Bagi Kemudahan Fizikal OKU

Legislations & Standards	Descriptions
1. The Person with Disabilities Act (Act 685) (PWDA) 2008	The first compact and comprehensive law regarding PwDs in Malaysia. It outlines the welfare policies which are related to the barrier-free environment.
2. Malaysian Standards Code of Practice on Access for Disabled Persons	
- MS 1184:2002	Code of Practice on Access for Disabled Persons to Public Building (1 st Revision)
- MS 1183:1990	Code of Practice for Means of Escape for Disabled Persons
- MS 1331:2003	Code of Practice for Access of Disabled Persons Outside Buildings (1 st Revision)
3. The Town & Country Planning Act, 1976 (Act 172)	The planning permission requirements on the access and facilities for PwDs
4. The Uniform Building By-Law (UBBL) 1984 (amended 1990) under Street, Drainage & Building Act, 1974 (Act 133)	The insertion of the UBBL 34A which requires buildings to comply with the MS Code of Practice on Access for PwDs.
5. Universal Design - Building Accessible and Inclusive Environments (2010)	Outlines what access-for-everyone entail, seeks to demonstrate the advantages of providing equal access, social inclusion and a level playing field for all.

5.4.2 Strategi Persekitaran Fizikal Kemudahan OKU di UTHM

i. Kebolehcapaian (*Approachability*)

- a. Kelebaran dan keluasan laluan pejalan kaki mesra OKU.
- b. Laluan lintasan jalan raya yang selamat.
- c. Kecerunan ramp yang bersesuaian.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p>1. Tempat Letak Kereta</p>  <p>Sumber : Kajian Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (<i>Universal Design</i>); JPBD SM, 2011</p> <p>Pelan tastatur yang menyediakan kemudahan tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda berdekatan dengan anjung masuk ke bangunan.</p>  <p>Sumber : http://www.nolimitsinc.com/ Security.html, Jun 2011</p> <p>Tempat letak kereta di atas permukaan yang rata.</p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda hendaklah disediakan berhampiran bangunan universiti b. Lokasi tempat letak kereta hendaklah berdekatan dengan pintu masuk utama bangunan [Klausa 21.1, MS 1331:2003]. c. Tempat letak kereta hendaklah disediakan di atas permukaan yang rata [Klausa 4.2, MS 1184:2002]. d. Untuk di luar bangunan, sekiranya terdapat laluan pejalan kaki bersebelahan dengan tempat letak kereta, <i>step ramp/dropped kerb</i> selebar minimum 1200 mm hendaklah disediakan sebagai akses ke laluan pejalan kaki [Klausa 21.5, MS 1331:2003].




Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<div data-bbox="225 416 735 745" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="225 779 735 857">Simbol tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda.</p> <div data-bbox="225 887 730 1256" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="225 1290 735 1413">Simbol tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda di atas permukaan jalan.</p> <div data-bbox="400 1440 576 1514" data-label="Text"> <p>3600 mm</p> </div> <div data-bbox="284 1603 360 1765" data-label="Text"> <p>4800 mm</p> </div> <div data-bbox="427 1603 552 1738" data-label="Image"> </div> <p data-bbox="225 1787 735 1910"><i>Sumber : Kajian Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design); JPBD SM, 2011</i></p> <p data-bbox="225 1939 735 2018">Saiz minimum tempat letak kereta sudut tepat.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="815 349 1386 607">a. Simbol tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda hendaklah disediakan dan dapat dilihat apabila memasuki kawasan tempat letak kereta. Tanda arah yang mencukupi hendaklah disediakan [Klausa 4.5, MS 1184:2002]. <li data-bbox="815 640 1386 864">b. Simbol tempat letak kereta untuk pengguna kerusi roda juga hendaklah disediakan di atas permukaan ruang tempat letak kereta [Klausa 21.5, MS 1331:2003]. <li data-bbox="815 898 1386 1043">c. Parkir kereta OKU perlu disediakan berdekatan dengan pintu masuk utama dan tidak melebihi 50m [Klausa 6.1: MS 1184:2002]. <li data-bbox="815 1077 1386 1379">d. Jumlah ruang petak letak kereta untuk pengguna kerusi roda bagi sesebuah bangunan hendaklah minimum 1 ruang bagi setiap 25 petak letak kereta awam atau minimum 1 ruang bagi setiap 2 petak letak kereta awam sekiranya hanya terdapat 2 petak letak kereta. <li data-bbox="815 1413 1386 1895">e. Saiz minimum tempat letak kereta sudut tepat adalah 3600 mm lebar x 4800 mm panjang. Sekiranya kemudahan tempat letak kereta tersebut adalah selari dengan jalan raya, saiz minimum adalah 3600 mm lebar x 6600 mm panjang bagi membolehkan pengguna kerusi roda keluar daripada bahagian pemandu dan bergerak di antara tempat letak kereta untuk menuju ke laluan pejalan kaki bersebelahan.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="272 264 627 297">2. Laluan Pejalan Kaki</p>  <p data-bbox="226 786 738 857">Laluan pejalan kaki tanpa sebarang halangan fizikal.</p>  <p data-bbox="226 1330 738 1420">Sumber: http://blog.safetytubs.com/182/universal-design-2/, Jun 2011</p> <p data-bbox="226 1453 738 1570">Laluan pejalan kaki sesuai untuk semua individu termasuk pengguna kerusi roda.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="815 264 1377 517">a. Laluan pejalan kaki hendaklah disediakan tanpa sebarang halangan fizikal untuk memberi akses ke bangunan, kawasan rekreasi, pengangkutan awam, tempat letak kereta dan sebagainya. <li data-bbox="815 562 1377 775">b. Laluan pejalan kaki hendaklah sentiasa diterangi cahaya, kukuh, rata, serap air dan tidak licin di dalam keadaan cuaca panas dan lembap [Klausa 4.1 dan 25.1, MS 1331:2003]. <li data-bbox="815 819 1377 1111">c. Saiz laluan pejalan kaki hendaklah sesuai untuk semua individu termasuk pengguna kerusi roda. Saiz lebar minimum adalah 1500 mm dan maksimum 3000 mm bagi kawasan laluan di perhentian bas atau tempat melintas jalan [Klausa 4.2, MS 1331:2003]. <li data-bbox="815 1155 1377 1357">d. Sekiranya <i>kerb</i> tidak disediakan di laluan pejalan kaki, perbezaan ketinggian pejalan kaki dengan jalan bersebelahan hendaklah maksimum 10 mm [Klausa 4.6, MS 1331:2003]. <li data-bbox="815 1402 1377 1581">e. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan di laluan utama pejalan kaki sebagai pemandu arah. (Rujuk Perkara 3: Rekabentuk Terperinci). <li data-bbox="815 1626 1377 1727">f. Menyediakan <i>barrier/kerb</i>/penutup longkang pada laluan yang terletak bersebelahan longkang.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
 <p>Sumber: http://hubpages.com/hub/Stainless-steel-bollards, Disember 2010</p> <p>Bollard di laluan pejalan kaki.</p>  <p>Saiz lubang dan kedudukan penutup longkang/parit tidak seharusnya mengganggu kelancaran pergerakan terutamanya pengguna kerusi roda.</p> 	<p>g. Sekiranya <i>bollard</i> disediakan di sepanjang laluan pejalan kaki, jarak antara setiap bollard adalah minimum 900 mm dan maksimum 1200 mm untuk memberi laluan kepada pengguna kerusi roda.</p> <p>h. Tanda amaran berbunyi/berlampu di kawasan- kawasan merbahaya atau kawasan pembinaan hendaklah disediakan untuk keselamatan individu yang menggunakan laluan pejalan kaki. [Klausu 28.1, MS 1331:2003].</p> <p>i. Penutup longkang/parit hendaklah tidak licin dan sama rata dengan permukaan laluan pejalan kaki. Bukaan maksimum lubang di antara penutup longkang/parit adalah 13 mm [Klausu 4.5, MS 1331:2003].</p> <p>j. Perabot jalan seperti pokok, pasu bunga, tiang lampu, papan tanda dan kerusi/bangku hendaklah diletakkan di tepi laluan pejalan kaki supaya tidak mengganggu pergerakan individu [Klausu 18.1 dan 22.2, MS 1331:2003].</p> <p>k. Laluan pejalan kaki hendaklah tidak dikongsi bersama laluan basikal /motosikal bagi mengelakkan risiko kemalangan.</p>

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="229 271 600 304">3. Lintasan Pejalan Kaki</p>   <p data-bbox="229 1335 735 1406">Lampu isyarat untuk kemudahan melintas jalan.</p> <p data-bbox="376 1514 588 1547">MS 1331:2003</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="810 271 1402 562">a. <i>Step ramp/dropped kerb</i> hendaklah disediakan di lintasan pejalan kaki [Klausa 6.1, MS 1331:2003]. Step ramp hendaklah mempunyai warna dan tekstur yang berbeza dengan laluan pejalan kaki bersebelahan dan permukaannya hendaklah tidak licin [Klausa 6.4, MS 1331:2003]. <li data-bbox="810 600 1402 745">b. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan di kedua-dua arah ke lintasan pejalan kaki [Klausa 17.3, MS 1331:2003]. <li data-bbox="810 784 1402 965">c. Lampu isyarat hendaklah mempunyai visual and audio signals untuk memberi panduan kepada individu untuk melintas jalan [Klausa 17.5, MS 1331:2003]. <li data-bbox="810 1003 1402 1330">d. Di jalan-jalan utama dimana trafik adalah sibuk (dimana pembahagi jalan adalah cukup luas atau lebih daripada 2700 mm), lintasan pejalan kaki hendaklah disusun atur secara berperingkat bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas akibat daripada masa yang diambil oleh pelintas jalan kaki [Klausa 17.7, MS 1331:2003].

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="229 309 453 340">4. Hentian Bas</p>  <p data-bbox="229 788 740 913"><i>Sumber:</i> http://www.dft.gov.uk/transportforyou/access/peti/inclusivemobility, Disember 2010</p> <p data-bbox="229 945 740 1057">Reka bentuk hentian bas yang mengambilkira pengguna kurang upaya.</p>   <p data-bbox="229 1581 740 1662">Rekabentuk lantai 'hidraulik' pada bas.</p>  <p data-bbox="229 1921 740 2002">Ruang tempat Kerusi roda di dalam bas.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="810 309 1410 452">a. Kemudahan seperti <i>step ramp/dropped kerb, ramp, guiding blocks/tactile blocks</i> dan <i>railings</i> hendaklah disediakan di hentian bas. <li data-bbox="810 492 1410 636">b. Aras lantai hentian bas hendaklah sama tinggi dengan aras lantai bus untuk memudahkan semua golongan individu menaiki atau menuruni bus. <li data-bbox="810 676 1410 743">c. Permukaan lantai hentian bus hendaklah tidak licin. <li data-bbox="810 784 1410 851">d. Pencahayaan yang mencukupi hendaklah disediakan di hentian bus. <li data-bbox="810 891 1410 1003">e. Kerusi/bangku yang selamat, selesa dan dari bahan yang sesuai hendaklah disediakan di hentian bus. <li data-bbox="810 1043 1410 1187">f. Reka bentuk hendaklah memudahkan bus untuk berhenti bersebelahan dengan <i>kerb</i> untuk mengambil penumpang. <li data-bbox="810 1227 1410 1442">g. Nombor laluan bus yang timbul (<i>embossed</i>) hendaklah disediakan di bahagian dinding kaca hentian bus untuk panduan orang kurang upaya penglihatan [Klausa 5, 18, 19 dan 24, MS 1331:2003].

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="231 297 662 331">5. Step Ramp/Dropped Kerb</p>  <p data-bbox="231 591 737 712">Sumber: http://www.fhwa.dot.gov/publications/research/safety/pedbike/05085/chapt8.cfm, Jun 2011</p> <p data-bbox="231 745 737 866">Step ramp/dropped kerb berhampiran persimpangan lampu isyarat.</p>  <p data-bbox="231 1149 737 1270">Sumber : http://www.seattle.gov/transportation/pedestrian_masterplan/pedestrian_toolbox/tools_deua_ramps.htm; 9.6.2011</p>  <p data-bbox="231 1529 737 1619">Sumber: : http://www.fhwa.dot.gov/publications/research/safety/pedbike/05085/chapt8</p> <p data-bbox="231 1653 737 1774">Contoh reka bentuk step ramp/dropped kerb di lintasan lampu isyarat.</p>	<p data-bbox="810 331 1401 510">a. Step ramp/dropped kerb hendaklah disediakan di lintasan pejalan kaki, persimpangan lampu isyarat, hentian bas dan sebagainya [Klausu 6.1, MS 1331:2003].</p> <p data-bbox="810 555 1401 768">b. Step ramp/dropped kerb hendaklah mempunyai warna dan tekstur yang berbeza dengan laluan pejalan kaki bersebelahan dan permukaannya hendaklah tidak licin [Klausu 6.4, MS 1331:2003].</p>



Sumber:
<http://blogs.walkerart.org/offcenter/category/community/>, Jun 2011

Kemudahan *ramp* di taman awam.

Kemudahan

Garis Panduan Khusus

6. Pagar Keselamatan



Ketinggian pagar keselamatan yang sesuai bagi menghindar bahaya.



Sumber:
<http://www.nst.com.my/nst/articles/2atb/Article/>

Ketiadaan pagar keselamatan boleh mengundang bahaya kepada individu.

- a. Pagar keselamatan hendaklah disediakan di sekeliling taman tasik dan kolam buatan manusia yang menjadi tempat tumpuan orang awam.
- b. Reka bentuk dan bahan binaan hendaklah mempunyai ciri-ciri keselamatan dan ketahanan.
- c. Ketinggian minimum adalah 1200 mm daripada aras lantai.
- d. Pagar keselamatan hendaklah disokong oleh *guiding blocks* sebagai panduan kepada orang kurang upaya penglihatan.

ii. Ketersambungan (*Accessibility*)

- a. Jalan masuk ke bangunan yang mudah digunakan.
- b. Atas laluan masuk tanpa halangan
- c. Kelebaran laluan pintu yang mesra OKU.
- d. Permukaan lantai yang berbeza bagi setiap aras yang berbeza.
- e. Saiz dan kedudukan panel kawalan lif yang bersesuaian.
- f. Lokasi pintu, lebar pintu dan susun atur ruang yang mesra OKU.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p>1. Pintu Masuk Utama Bangunan</p>  <p>Sumber: http://www.cdihp.org/briefs/brief5-improve-access.html#sect1, Jun 2011</p> <p>Akses kepada pengguna kerusi roda di pintu masuk utama.</p>  <p>Sumber: http://www.northcountrypublicradio.org/news/tags/innovation-trail, Jun 2011</p> <p>Reka bentuk pintu masuk bagi pengguna kerusi roda</p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Semua pintu masuk utama bangunan hendaklah menyediakan akses kepada pengguna kerusi roda untuk memasuki bangunan [Klausa 6.1, MS 1184:2002]. b. Sekiranya pintu masuk utama tidak boleh diakses oleh pengguna kerusi roda, tanda arah simbol pengguna kerusi roda/OKU hendaklah disediakan di pintu masuk utama tersebut untuk memaklumkan arah ke pintu masuk alternatif [Klausa 6.3 dan 28, MS 1184:2002]. c. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan di pintu masuk dan keluar bangunan. Permukaan lantai hendaklah menggunakan bahan dan <i>colour contrast</i> [Klausa 25.2, MS 1331:2003] di pintu masuk dan keluar bagi tujuan tanda amaran untuk orang kurang upaya penglihatan. d. Pintu masuk bangunan hendaklah mempunyai lebar minimum 900 mm. Walaubagaimanapun, lebar minimum bagi pintu masuk pusat kesihatan dan kompleks sukan adalah 1000 mm



Pintu berkaca automatik




Tombol pintu

[Klausa 8.1, MS 1184:2002]. Ruang untuk berpusing (turning radius) bagi pengguna kerusi roda hendaklah disediakan dengan ukurlilit minimum 1200 mm [Klausa 8.3/ Klausa 14, MS 1184:2002].


- e. Pintu berkaca automatik sebaiknya hendaklah disediakan. Sekiranya tiada pintu sedemikian maka hendaklah disediakan pintu yang boleh dibuka dengan sebelah tangan dan menggunakan *lever handle* maksimum 1200 mm dari aras lantai [Klausa 27.1, MS 1184:2002].
- f. Sekiranya paras lantai termasuk di pintu masuk bangunan tidak melebihi daripada 215 mm sama ada di atas atau bawah laluan pejalan kaki, *step ramp/dropped kerb* hendaklah disediakan [Klausa 7.1, MS 1184:2002].
- g. *Step ramp/dropped kerb* hendaklah mempunyai permukaan yang tidak licin [Klaus 7.4, MS 1184:2002].
- h. Ukuran ruang sirkulasi laluan pintu *swing door*.

Dimensi (mm) D	Dimensi (mm) L	Dimensi (mm) Wx	Dimensi (mm) WL
800 (lebar pintu)	1200	610	340
850	1220	560	340
900	1185	510	340
950	1160	460	340

 <p data-bbox="231 705 742 784">Ukuran Ruang Sirkulasi Laluan Pintu <i>swing door</i>.</p>	<table border="1" data-bbox="837 190 1396 257"> <tr> <td data-bbox="837 190 981 257">1000</td> <td data-bbox="981 190 1093 257">1140</td> <td data-bbox="1093 190 1236 257">410</td> <td data-bbox="1236 190 1396 257">340</td> </tr> </table>	1000	1140	410	340
1000	1140	410	340		

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="229 286 571 322">2. Laluan Pejalan Kaki</p>  <p data-bbox="229 763 743 824">Sumber : http://futureofud.wikispaces.com/UD+and+the+ICF, Jun 2011</p> <p data-bbox="229 857 743 1021">Permukaan laluan pejalan kaki daripada bahan yang tidak licin serta mempunyai warna dan tekstur yang berbeza</p>  <p data-bbox="229 1384 743 1420">Ukuran kelebaran laluan kerusi roda</p>  <p data-bbox="229 1899 671 1935"><i>Tactile</i> di foyer Kampus Pagoh</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="815 286 1380 613">Laluan pejalan kaki hendaklah disediakan tanpa sebarang halangan fizikal dari pintu masuk bangunan hingga ke setiap tingkat di dalam bangunan untuk memberi akses kepada individu terhadap kemudahan-kemudahan di dalam bangunan [Klausa 3.3, MS 1184:2002]. <li data-bbox="815 656 1380 869">Saiz laluan pejalan kaki dan ramp hendaklah mempunyai ruang lega minimum 1200 mm untuk pengguna kerusi roda. Kecerunan maksimum adalah 1:12 [Klausa 5.1, MS 1884:2002]. <li data-bbox="815 911 1380 1167">Permukaan laluan pejalan kaki hendaklah daripada bahan yang tidak licin serta mempunyai warna dan tekstur yang berbeza bagi memaklumkan sebarang potensi halangan fizikal [Klausa 26, MS 1184:2002]. <li data-bbox="815 1209 1380 1384"><i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan di laluan utama pejalan kaki sebagai pemandu arah. (Rujuk Perkara 3: Rekabentuk Terperinci).


Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="261 295 544 331">3. Tangga dan Lif</p>    <p data-bbox="213 1482 730 1550">Sumber : http://www.infolink.com.au/t/Grab-Rails</p> <p data-bbox="213 1581 730 1706"><i>Guiding blocks/tactile blocks</i> di tangga dapat membantu pengguna kurang upaya penglihatan.</p>	<p data-bbox="794 295 1394 474">a. Tangga dan lif hendaklah disediakan untuk memberi akses kepada individu di bangunan bertingkat [Klausa 9.1 dan 11.1, MS 1184:2002 dan Klausa 8.1 dan 10.1, MS 1331:2003].</p> <p data-bbox="794 510 1394 622">b. Spesifikasi penyediaan tangga hendaklah mengikut Klausa 9, MS 1184:2002</p> <p data-bbox="794 658 1394 958">c. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan di tangga, lif dan eskalator [Klausa 12.1(a), MS 1331:2003 dan Klausa 15.1(a), MS 1884:2002] sebagai panduan halangan fizikal atau amaran potensi kemalangan kepada orang kurang upaya penglihatan.</p>



- d. Minimum 1 lif berdekatan dengan pintu masuk utama bangunan hendaklah boleh diakses oleh pengguna kerusi roda dan mempunyai ruang untuk berpusing 180 darjah [Klausu 9.4, MS 1331:2003 dan Klausu 10.4, MS 1184:2002].
- e. Permukaan lantai yang berbeza bagi setiap aras yang berbeza.
- f. Kedudukan panel kawalan lift yang bersesuaian.



Lif untuk kemudahan semua individu termasuk pengguna kerusi roda/OKU



Stairlift

iii. Kebolegunaan (*Usability*)

- Penggunaan pemegang pintu dan tombol yang mesra OKU.
- Saiz, bentuk dan ketinggian pelbagai suis yang mesra OKU.
- Pili air yang mesra OKU.
- Ketinggian dan lokasi serta aksesori tandas OKU.
- Ketinggian dan rekabentuk susur tangan mesra OKU.
- Bilik dan dewan kuliah yang mesra OKU.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p>Tandas</p>  <p>kemudahan tandas untuk pengguna kerusi roda</p>  <p>Dimensions in millimetres</p> <p>Key</p> <ol style="list-style-type: none"> drop down support rail at seat height plus 200 mm to 300 mm wall mounted horizontal grab rail at seat height plus 200 mm to 300 mm wall mounted vertical grab rail mirror, top height min. 1 900 mm, bottom height max. 900 mm above floor soap dispenser 800 mm to 1 100 mm above floor towels or dryer 800 mm to 1 100 mm above floor waste bin toilet paper dispenser 600 mm to 700 mm above floor independent water supply small finger rinse basin maximum 350 mm projection floor trap <p>Figure 62. Positioning of grab rails, water supply and toilet paper in type C corner toilet</p> <p>Source: Standard Malaysia 2014 100021821_Rigwa 88</p> <ol style="list-style-type: none"> Maximum inscribed circle for handrail profile Minimum subtended circle for profile Minimum 500mm clearance under top 270° arc along full length of handrail 	<ol style="list-style-type: none"> Tandas untuk pengguna kerusi roda/OKU hendaklah disediakan di semua bangunan awam dan komersial, kawasan rekreasi, tempat tumpuan awam dan terminal pengangkutan awam. Bilangan dan reka bentuk tandas hendaklah mengikut Klausula 16, 17, 18, 19, 20, 22 dan 26 MS 1184:2002 [Klausula 18.13, MS 1331:2003] dan MS 2015: Part 1: 2006. Bilangan minimum tandas yang perlu dilengkapi dengan kemudahan untuk pengguna kerusi roda adalah 1 bagi setiap 10 tandas biasa [Klausula 5.5, MS 2015: Part 1: 2006] dimana saiz minimum tandas adalah 2000 mm x 2400 mm. Saiz minimum tandas untuk selain daripada pengguna kerusi roda adalah 1200 mm x 2400mm dilengkapi dengan grab bar. Simbol tandas lelaki/perempuan hendaklah timbul (embossed) atau bertulisan braille untuk panduan kepada orang kurang upaya penglihatan [Klausula 28.7, MS 1184:2002].

Tempat Duduk/Bangku Awam



Contoh reka bentuk tempat duduk/bangku awam yang mesra pengguna

- a. Kemudahan tempat duduk/bangku hendaklah disediakan di tempat awam yang boleh digunakan oleh semua individu.
- b. Tempat duduk/bangku untuk berehat juga hendaklah disediakan di tempat-tempat yang mudah sampai seperti di sepanjang laluan pejalan kaki.
- c. Reka bentuk tempat duduk/bangku hendaklah menepati ciri-ciri keselesaan, kesesuaian ketinggian dan keselamatan. Penyandar, pemegang dan permukaan tempat duduk/bangku hendaklah sesuai untuk semua individu. Ketinggian tempat duduk/bangku adalah minimum 420mm dan maksimum 450mm daripada aras lantai.
- d. Semua keperluan di atas hendaklah disediakan berdasarkan Klausa 19, MS 1331:2003.

Peti Surat/Tong Sampah





Sumber:
http://www.unicorncontainers.com/Street_Litter_Bins/Street_litter_Bins_Full_Range.htm, Jun 2011

Ketinggian lubang tong sampah yang mudah digunakan oleh semua individu

- a. Perletakan, kesesuaian, reka bentuk dan ketinggian peti surat dan tong sampah hendaklah mengambil kira semua individu.
- b. Ketinggian slot surat dan lubang tong sampah hendaklah maksimum 1000 mm daripada aras lantai [Klausa 18.8, MS 1331:2003].

<p>Bilik kuliah, dewan kuliah dan Bilik seminar</p> 	<ul style="list-style-type: none"> a. Lokasi kemudahan ruang duduk pelajar OKU- ditempatkan pada barisan paling hadapan atau mudah di akses dari pintu masuk. b. Laluan masuk keluar yang mematuhi keperluan spesifikasi OKU. c. Kerusi/meja boleh laras ketinggian
<p>Keperluan ICT</p>  <p>Meja boleh laras ketinggian</p>  <p>Papan kunci braille</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Kemudahan komputer yang mesra pengguna OKU perlu dilengkapi dengan perkakasan/perisian berikut: b. meja dan kerusi boleh laras. c. Papan kekunci braille. d. Komputer yang menggunakan perisian JAWS (Job Access with Speech). e. Perisian pembesar skrin. c. Perkakasan multimedia. d. Pembangunan laman sesawang, aplikasi dan lain-lain kandungan digital agar mudah dicapai dan digunakan oleh OKU serta memenuhi kriteria W3C (<i>World Wide Web Content</i>) WAI (<i>Web Accessibility Initiative</i>).

Kolej Kediaman





- Guestroom door easily accessible by disabled people (external view)

- Bilik pelajar OKU di kolej kediaman ditempatkan di tingkat bawah dan berdekatan dengan kemudahan mesra OKU.
- Braille signage* disediakan di sekitar kawasan kemudahan OKU.
- Ruang sekitar katil mestilah sesuai dengan pengguna kerusi roda. (MS1184:2014 pg. 110, Klausu 26.2).
- Ketinggian minimum katil adalah 450-500mm dan sesuai dengan pengguna kerusi roda. (MS1184:2014 pg. 110, Klausu 26.3).
- Perabot dalam bilik tidur hendaklah bersesuaian ditempatkan untuk kegunaan pengguna kerusi roda.

5.4.3 Rekabentuk Terperinci Kemudahan OKU


Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="256 412 715 483">1. Guiding Blocks/ Tactile Blocks</p>  <p data-bbox="205 920 715 999">Guiding blocks/tactile blocks di dalam dan luar bangunan</p> <p data-bbox="320 1104 517 1126">Line-type guiding blocks</p>  <p data-bbox="336 1417 533 1440">Dot-type guiding blocks</p>  	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="786 412 1398 703">a. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan untuk memandu arah orang kurang upaya penglihatan dan memberi amaran pada bahagian tertentu bagi mengelakkan halangan fizikal atau risiko kemalangan [Klausa 12, MS 1331:2003 dan Klausa 15, MS 1184:2002]. <li data-bbox="786 707 1398 1066">b. Tempat yang hendaklah disediakan <i>guiding blocks/tactile blocks</i> termasuklah: <ul style="list-style-type: none"> <li data-bbox="786 819 1398 891">• Berhadapan pintu masuk bangunan, tangga, lif, eskalator dan ramp; <li data-bbox="786 902 1398 974">• Laluan utama pejalan kaki di luar dan di dalam bangunan; <li data-bbox="786 985 1398 1021">• Lintasan pejalan kaki; dan <li data-bbox="786 1032 1398 1066">• Hentian bas <li data-bbox="786 1077 1398 1290">c. Dua jenis permukaan laluan iaitu <i>Line-type guiding blocks/tactile blocks</i> dan <i>Dot-type guiding blocks/tactile blocks</i> adalah asas kepada menunjuk arah laluan [Klausa 12.5, MS 1331:2003 dan Klausa 15.4, MS 1184:2002]. <li data-bbox="786 1301 1398 1447">d. <i>Line-type guiding blocks/tactile blocks</i> menunjukkan arah laluan untuk diikuti [Klausa 12.5(a), MS 1331:2003 dan Klausa 15.4(a), MS 1184:2002]. <li data-bbox="786 1458 1398 1738">e. <i>Dot-type guiding blocks/tactile blocks</i> memberi tanda amaran bertujuan menangkis halangan fizikal dan bahaya serta menunjuk arah dan amaran sekiranya menghampiri selekoh dan simpang [Klausa 12.5(b), MS 1331:2003 dan Klausa 15.4(b), MS 1184:2002].

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="300 271 427 304">2. Ramp</p>  <p data-bbox="202 869 644 902">Kemudahan <i>ramp</i> di bangunan</p> 	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="884 271 1402 562">a. <i>Ramp</i> hendaklah disediakan di luar dan di dalam semua bangunan awam dan komersial, terminal pengangkutan awam, tempat letak kereta, kediaman bertingkat serta kawasan rekreasi bagi menghubungkan laluan pejalan kaki. <li data-bbox="884 568 1402 815">b. Kecerunan maksimum <i>ramp</i> adalah 1:12 [Klausa 7.2(a), MS 1331:2003 dan Klausa 5.1(b), MS 1184:2002] dan kelebaran minimum 1200 mm [Klausa 7.2(d), MS 1331:2003 dan Klausa 5.1(a), MS 1184:2002]. <li data-bbox="884 822 1402 1113">c. <i>Ramp</i> tanpa penghadang di kiri kanan hendaklah disediakan kerb dengan ketinggian minimum 100 mm untuk keselamatan pengguna kerusi roda dan pengguna bertongkat [Klausa 7.5, MS 1331:2003 dan Klausa 5.2(c), MS 1884:2002]. <li data-bbox="884 1120 1402 1321">d. <i>Guiding blocks/tactile blocks</i> hendaklah disediakan pada permulaan dan akhir kecerunan ramp bagi memberi amaran dan panduan kepada orang kurang upaya penglihatan. <li data-bbox="884 1328 1402 1507">e. Permukaan <i>ramp</i> hendaklah dari bahan yang tidak licin dan bersesuaian [Klausa 25, MS 1331:2003 dan Klausa 26, MS 1184:2002]. <li data-bbox="884 1514 1402 1626">f. Minimum 1 <i>ramp</i> hendaklah disediakan untuk setiap bangunan.

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="347 293 523 327">3. Handrail</p>  <p data-bbox="256 707 794 786"><i>Handrail</i> yang disediakan bersama dengan ramp</p>  <p data-bbox="256 1205 794 1323">Saiz <i>handrail</i> yang sesuai adalah penting untuk keselesaan dan keselamatan semua individu</p>  <p data-bbox="256 1821 794 1888">Sumber: http://pingmag.jp/2006/09/29/accessibility-for-blind-people/, Jun 2011</p> <p data-bbox="256 1917 794 2040">Tulisan <i>Braille</i> pada <i>handrail</i> bagi membantu golongan cacat penglihatan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="871 293 1414 551">a. <i>Handrail</i> hendaklah disediakan di laluan pejalan kaki, koridor bangunan, <i>ramp</i> dan tangga bangunan [Klausa 11, MS 1331:2003 dan Klausa 12, MS 1184:2002] untuk kegunaan dan keselamatan semua individu. <li data-bbox="871 584 1414 775">b. <i>Handrail</i> hendaklah dipasang minimum 840 mm dan maksimum 900 mm dari aras lantai [Klausa 11.2(a), MS 1331:2003 dan Klausa 12.1, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 808 1414 1021">c. <i>Handrail</i> hendaklah mempunyai jarak minimum 50 mm dan maksimum 100 mm dari dinding bangunan [Klausa 11.2(d), MS 1331:2003 dan Klausa 12.5, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 1055 1414 1312">d. <i>Handrail</i> hendaklah mempunyai ukur lilit/lebar minimum 40mm dan maksimum 60mm serta hendaklah tidak licin dan selamat untuk digenggam [Klausa 11.3, MS 1331:2003 dan Klausa 12.2, MS 1184:2002].

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p data-bbox="252 293 676 327">4. Papan Tanda dan Simbol</p>  <p data-bbox="256 947 751 1084"><i>Sumber:</i> http://design1528.blogspot.com/2010/03/designers-towards-accessibility-and.html; Disember 2010</p> <p data-bbox="256 1117 794 1189">Simbol akses untuk pengguna kerusi roda/OKU</p>  <p data-bbox="256 1666 794 1827">Papan tanda kenyataan/pelan petunjuk yang menunjukkan lokasi kemudahan untuk OKU di dalam bangunan</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="871 293 1414 510">a. Simbol antarabangsa akses untuk pengguna kerusi roda/OKU adalah berwarna putih dengan latarbelakang berwarna biru [Klausa 20.4, MS 1331:2003 dan Klausa 28.1, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 551 1414 875">b. Lokasi minimum papan tanda akses untuk pengguna kerusi roda/OKU adalah di tempat letak kereta terbuka, laluan pejalan kaki, pintu masuk utama bangunan dan pintu masuk alternatif, kawasan resepsi, lobi lif, tandas dan pintu kecemasan [Klausa 28.3, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 916 1414 1055">c. Saiz, jenis dan tulisan huruf papan tanda hendaklah jelas dan boleh dibaca [Klausa 28.6, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 1095 1414 1279">d. Papan tanda bertulisan braille hendaklah disediakan untuk kemudahan orang kurang upaya penglihatan [Klausa 28.7, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 1319 1414 1715">e. Papan tanda kenyataan/pelan petunjuk di dalam dan di luar bangunan hendaklah disediakan untuk menunjukkan lokasi kemudahan untuk pengguna kerusi roda/OKU seperti tandas, lif, pintu kecemasan, tempat letak kereta, hentian bas, kawasan rekreasi dan lain-lain [Klausa 20.3, MS 1331:2003 dan Klausa 28.5, MS 1184:2002]. <li data-bbox="871 1756 1414 2007">f. Papan tanda yang memaklumkan kepada pemandu kenderaan kawasan yang selalu digunakan oleh pengguna kerusi roda/OKU hendaklah disediakan untuk tujuan keselamatan [Klausa 20.1, MS 1331:2003].

5. Kemudahan Utiliti



Ketinggian suis yang mesra OKU



Pili air mesra OKU





Sinki mesra OKU

g. Saiz, bentuk dan ketinggian pelbagai suis yang mesra OKU. Diletakkan pada lokasi dan kedudukan yang sesuai

h. (MS 1184:2002 pg.37, Klausula 27.3(a) MS 1184:2014 pg. 121 Klausula 34.2)

i. Pili air dan sinki yang mesra OKU

j. (MS1184:2014 pg. 99, Klausula 25.9)

Kemudahan	Garis Panduan Khusus
<p>6. Kaunter</p> <p>Perkhidmatan/Pertanyaan</p> 	<ul style="list-style-type: none"> a. Kedudukan meja penyambut tetamu/kaunter diletakkan berdekatan dengan pintu masuk utama dan mudah dikenal pasti. (Klausa 19.2: m/s 81) 2 b. Menyediakan ruang yang cukup akses pengguna OKU dari kedua-dua arah, tidak kurang 1500mm persegi. (Klausa 19.3: m/s 81) c. Ketinggian kaunter perlu disediakan antara 740mm - 800mm dari aras lantai dengan ruang (lutut) di bawah kaunter tidak kurang daripada 700mm. Rujuk Figure 51 (Klausa 19.4: m/s 82)
<p>7. Lain-lain</p> <p>i. Mesin <i>Automated Teller Machine</i> (ATM)</p>  <p>Reka bentuk dan ketinggian mesin ATM hendaklah mengambilkira keperluan semua individu</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Perletakan, kesesuaian, reka bentuk dan ketinggian mesin ATM hendaklah mengambil kira keupayaan semua individu di mana ketinggian slot duit dan kad hendaklah maksimum 1000 mm daripada aras lantai [Klausa 27.4, MS 1184:2002].

5.4.4 Deklarasi Perunding Ke Atas Pematuhan Kemudahan OKU Pada Perancangan Bangunan Baru

i. Senarai semak Pematuhan keperluan Kemudahan OKU.

a. Tajuk Projek:

.....

b. Perekabentuk/ Perunding:

.....

Bil	Perkara	Sila tandakan diruang berkenaan			Catatan
		Dipatuhi	Tidak berkaitan	Memohon kelonggaran/ pengecualian	
Kebolehcapaian (<i>Approachability</i>)					
1.Tempat Letak Kereta					
1					

Contoh deklarasi perunding

PERAKUAN TANGGUNGJAWAB OLEH PSP

Saya dengan ini memperakukan bahawa maklumat yang dikemukakan di dalam Borang **Senarai Semak Ulasan Universal Design MS1184:2014** dan UUK 34A bagi permohonan pelan bangunan adalah benar dan tepat menurut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 (pindaan terkini - Sel.P.U. 142/2012) dan Garis Panduan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Selayang. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan di tapak bina dan aduan bangunan yang melibatkan pembinaan ini, saya bersetuju menerima tanggungjawab penuh dengan sewajarnya dan bersedia menerima sebarang tindakan oleh Majlis Perbandaran Selayang di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

.....
Tandatangan & Cop PSP

(Arkitek Profesional / Jurutera Profesional / Pelukis Pelan Berdaftar)

No Pendaftaran :

Tarikh :